

17 JUN 1996

SUNCHIRIN BUKTIKAN FIRMA JEPUN PINDAHKAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Penyenaraian Sunchirin Industries (Malaysia) Bhd, syarikat 100 peratus Jepun yang pertama di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), menangkis kepercayaan kononnya firma-firma Jepun keberatan untuk memindahkan teknologi, kata timbalan menteri perdagangan antarabangsa dan industri, Datuk Kerk Choo Ting hari ini.

Kerajaan menggalakkan pelaburan asing kerana ini akan membantu Malaysia mencapai status negara perindustrian menjelang tahun 2020, katanya pada majlis makan malam bersempena penyenaraian Sunchirin di BSKL serta ulang tahun ke 10 syarikat itu.

Pengarah urusan Sunchirin, Masahito Hiraishi berkata keputusan untuk melabur di Malaysia telah dibuat pada tahun 1986 apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengumumkan perubahan pada undang-undang pelaburan matawang asing negara.

Ketika itu Sunchirin sedang menjalankan kajian kemungkinan memindahkan operasinya ke negara Asia kerana nilai yen yang tinggi. Undang-undang pelaburan matawang asing ketika itu telah menjadi penghalang untuk melabur di Malaysia.

Hiraishi berkata Sunchirin, yang mula beroperasi pada tahun 1988 di kilangnya di Shah Alam, kini menguasai kira-kira 90 peratus pembahagian pasaran pendingin udara dan pendingin udara automotif pembuat kelengkapan tulen.

Keputusan untuk menyenaraikan Sunchirin telah dibuat pada 1991, katanya.

Pemegang saham utama Sunchirin yang lain termasuklah Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, dan Fascipillar (M) Sdn Bhd. -- BERNAMA

MSL MA